

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA,  
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan jumlah pinjaman TEKUN yang diberikan kepada jumlah peminjam di Kawasan Parlimen Bayan Baru dari tahun 2015 hingga September 2020. Apakah jenis pinjaman yang paling tinggi permintaan dan nyatakan peratusan kejayaan peminjam yang berjaya daripada yang tidak berjaya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagai sebuah agensi pembiayaan di bawah seliaan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), TEKUN Nasional menyediakan pembiayaan secara mikro kredit kepada usahawan kecil yang memerlukan modal tambahan sama ada untuk tujuan modal pusingan ataupun pembelian peralatan.
2. Pembiayaan yang ditawarkan adalah dari RM1,000 sehingga RM100,000 dengan kadar keuntungan yang dikenakan sebanyak 4% setahun. Penyaluran pembiayaan ini dilaksanakan melalui pelbagai program pembiayaan sedia ada mengikut golongan sasar dan keperluan usahawan.
3. Bagi kawasan Parlimen Bayan Baru, untuk tempoh dari tahun 2015 sehingga September 2020, TEKUN Nasional telah membantu seramai 862 orang usahawan dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM9.24 juta.
4. Berdasarkan jumlah dari tempoh yang sama, sektor peruncitan adalah merupakan sektor yang tertinggi dibiayai di kawasan parlimen Bayan Baru. Sebagai makluman, sebanyak 63% usahawan TEKUN Nasional di parlimen ini telah membuat bayaran balik dengan konsisten dan secara tidak langsung menunjukkan prestasi perniagaan mereka adalah baik.

Sekian, terima kasih.